

**PROJEK MENAIK TARAF PENGHADANG JAMBATAN SEDIA ADA
DI LEBUHRAYA PLUS
PENUTUPAN LORONG KIRI DI KM287.7-KM288.2 DAN KM292.9-KM293.3
(ARAH SELATAN) DARI SIMPANG PULAI KE GOPENG**

Petaling Jaya, 2 Julai 2026:- Sejalan dengan komitmen berterusan untuk meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna lebuhraya, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) sedang giat melaksanakan kerja-kerja menaik taraf penghadang jambatan sedia ada di laluan Simpang Pulai ke Gopeng di KM288.1 dan KM293.3 (Arah Selatan) di Lebuhraya Utara-Selatan, yang dijalankan sehingga 11 September 2026.

Sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja tersebut, lorong kiri sedia ada di KM287.7 hingga KM288.2 dan KM292.9 hingga KM293.3 (Arah Selatan) ditutup sementara, manakala dua lorong lagi dibuka seperti biasa untuk memastikan keselamatan petugas yang menjalankan kerja-kerja di lokasi.

Bagi memastikan kelancaran aliran trafik dan keselamatan semua pengguna, pengurusan trafik dilaksanakan di kawasan kerja sepanjang tempoh berkenaan. Pengguna lebuhraya dinasihatkan supaya mematuhi papan tanda keselamatan, had laju yang ditetapkan serta arahan petugas trafik ketika melalui kawasan kerja.

Oleh itu, pengguna lebuhraya dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda keselamatan serta arahan petugas di kawasan kerja bagi memastikan perjalanan yang selamat dan lancar.

Pengguna lebuhraya juga disaran untuk merancang perjalanan mereka dan mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, media sosial rasmi PLUS termasuk X @plustrafik serta paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi terpilih. Untuk maklumat trafik semasa dan bantuan di lebuhraya, pengguna boleh menghubungi PLUSLine di talian 1800-88-0000 sekiranya berlaku kecemasan.

PLUS menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengguna lebuhraya sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja ini dijalankan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	--